



UPM Agih Wang Zakat Kepada Pelajar



Pelajar baharu OKU UPM, Nur baitul Izzah Nordin (berkerusi roda) menerima wang bantuan zakat sebanyak RM5,000 daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali Mohamed

SERDANG, 6 Julai - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia telah mengagihkan Geran Bantuan Zakat sebanyak RM51,000 kepada 17 kolej di UPM dalam Majlis Bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) sempena Minggu Perkasa Putra (Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu) Semester Pertama Sesi 2009/2010 baru-baru ini.

Setiap kolej masing-masing menerima sebanyak RM 3,000 daripada agihan wang zakat tersebut untuk digunakan bagi pembangunan program pelajar muslim.

Pemberian kewangan zakat untuk program pembangunan pelajar muslim dibenarkan menggunakan peruntukan zakat melalui asraf fisabilillah dalam bentuk penganguran program yang boleh membangun dan meningkatkan kualiti pelajar muslim.

Majlis itu juga menyaksikan penyerahan bantuan wang zakat diberikan kepada Nur baitul Izzah Nordin, pelajar baharu yang cacat kedua-dua belah kakinya. Beliau yang berjaya melanjutkan pelajaran ijazah pertama ke UPM dalam bidang Sains (Biologi) menerima wang bantuan zakat sebanyak RM5,000.

Selain agihan untuk pembangunan pelajar, UPM telah mengagihkan wang bantuan zakat kepada pelajar yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah, termasuklah penjenaga berpendapatan RM500 ke bawah, penuntut istimewa (orang kurang upaya) dan juga saudara baru.

Dari Januari hingga Jun 2009, sebanyak RM394,619 wang bantuan zakat telah diagihkan kepada 615 orang pelajar di UPM.



Pengetua Kolej Kelima, Tuan Syed Agil Alsagoff (kiri) menerima bantuan zakat untuk penganguran program kolej sebanyak RM3000 dari Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed (kanan)

Wang zakat yang disalurkan ini merupakan hasil pemotongan gaji kakitangan UPM secara bulanan melalui Tabung Amanah Zakat UPM dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr. Azali Mohamed yang menyempurnakan majlis penyerahan itu berkata, UPM sentiasa berusaha membantu pelajar dan memberikan sokongan secara berterusan.

"Ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu digalas dengan penuh amanah bagi membantu pelajar samada dalam bentuk bantuan pelajaran, sara hidup, perubatan, kecemasan termasuklah menyediakan Tabung Kebajikan UPM bagi membantu pelajar bukan muslim."

"Ini bagi memastikan pelajar-pelajar UPM dapat mencegalkan pencapaian akademik sehingga menamatkan pengajian dengan cemerlang," katanya